



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERIC TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

Be U QARD SAVINGS ACCOUNT-I / AKAUN SIMPANAN-i QARD Be U

(Protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor/Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit)

Effective 1 June 2022 / Berkuat kuasa 1 Jun 2022

IMPORTANT NOTICE:		NOTIS PENTING:	
CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.		PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.	
A	GENERIC TERMS AND CONDITIONS	A	TERMA DAN SYARAT AM
1.0	DEFINITION	1.0	DEFINISI
	In this terms and conditions, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:		Di dalam terma dan syarat ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:
	"Bank Islam" or "Bank" means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944 (98127-X)) a company incorporated in Malaysia with its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.		"Bank Islam" atau "Bank" bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944 (98127-X) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.
	"Be U" means Be U by Bank Islam digital banking application.		"Be U" bermaksud aplikasi perbankan digital Be U oleh Bank Islam.
	"Be U Qard Savings Account-i" or "Be U QSA" means this product offered by Bank Islam based on the Shariah contract of Qard via Be U.		"Akaun Simpanan-i Qard Be U" atau "Be U QSA" bermaksud produk akaun simpanan ini yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan kontrak Syariah Qard melalui Be U.
	"Nest" means a goal savings feature in Be U QSA which enables Customer to set aside savings towards achieving short or long-term saving goals.		"Nest" bermaksud ciri simpanan sasaran di Be U QSA bagi membolehkan Pelanggan mengasingkan simpanan untuk mencapai matlamat simpanan jangka pendek atau jangka panjang.
	"Customer" means the account holder for Be U QSA.		"Pelanggan" bermaksud pemegang akaun bagi Be U QSA.
	"Ijarah Al-Khadamat" refers to a contract for hiring of services of a person for a specified period in exchange for a specified consideration.		"Ijarah Al-Khadamat" merujuk kepada kontrak sewaan bagi perkhidmatan untuk jangka masa tertentu dengan balasan yang tertentu.
	"Qard Contract" means a contract of lending money by a lender to a borrower where the latter is bound to repay an equivalent replacement amount to the lender. Under Qard Contract, the Customer shall give consent to Bank Islam to deal with the whole or any part of any balances in the account as specified by Bank Islam this includes Be U QSA and Nest. Any profit generated by Bank Islam from the use of the funds shall belong to Bank Islam. Bank Islam may give reward (Hibah) to the Customer. Subject to the terms hereof, Bank Islam guarantees payment of the whole sum standing to the credit of the Customer's account upon demand. Any amount received by Bank		"Kontrak Qard" bermaksud kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana pihak yang terakhir terikat untuk membayar balik jumlah penggantian yang setara kepada pemberi pinjaman. Dibawah Kontrak Qard, Pelanggan hendaklah memberi persetujuan kepada Bank Islam untuk berurusan dengan keseluruhan atau mana-mana baki di dalam akaun dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Bank Islam termasuk Be U QSA dan Nest. Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh Bank Islam daripada penggunaan dana adalah kepunyaan Bank Islam. Bank Islam boleh, memberi ganjaran (Hibah) kepada Pelanggan. Tertakluk kepada terma dan syarat am



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERIC TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

	Islam shall be utilized for Shariah compliant activities of Bank Islam.		ini, Bank Islam menjamin pembayaran keseluruhan amaun yang ada di dalam akaun Pelanggan apabila dituntut. Sebarang jumlah yang diterima oleh Bank Islam hendaklah digunakan untuk aktiviti-aktiviti Bank Islam yang mematuhi Shariah.
	" Self Service Terminal " means a terminal which allows the Customer to make cash deposits, withdrawal and/or any other payment transactions in respect of the Customer's accounts opened with Bank Islam.		" Terminal Layan Diri " bermaksud terminal yang membolehkan Pelanggan melaksanakan deposit tunai, pengeluaran dan/atau sebarang transaksi bayaran lain berkenaan dengan akaun Pelanggan yang dibuka dengan Bank Islam.
2.0	OPENING OF BE U QSA	2.0	PEMBUKAAN BE U QSA
2.1	To open a Be U QSA, Customer is required to deposit a minimum of Ringgit Malaysia Twenty Only (RM20) subject to maximum of Ringgit Malaysia One Thousand Only (RM1,000) via Be U. Bank Islam reserves the right to stipulate and vary, from time to time, the minimum amount of initial deposit required to open the account.	2.1	Untuk membuka Be U QSA, Pelanggan dikehendaki memasukkan deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja (RM20) tertakluk kepada jumlah maksima Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000) melalui Be U. Bank Islam mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah deposit minimum yang diperlukan untuk membuka akaun.
2.2	Any application to open an account shall be made through Be U. Customer is required to have at least one (1) existing savings account and/or current account with any banks in Malaysia to be eligible to open a Be U QSA.	2.2	Sebarang permohonan untuk membuka akaun hendaklah dibuat melalui Be U. Pelanggan dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) akaun simpanan dan/atau akaun semasa dengan mana-mana bank di Malaysia untuk layak membuka Be U QSA.
2.3	Individuals who have attained the age of at least 18 years are eligible to open Be U QSA.	2.3	Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya 18 tahun layak untuk membuka Be U QSA.
2.4	By submitting the application to open the Be U QSA via Be U, the Customer hereby agrees to open his/her account including Be U QSA and Nest based on Qard Contract [Loan (by Customer to Bank Islam)] subject to the terms and conditions as determined by Bank Islam. Based on Qard Contract, Bank Islam is responsible to repay the monies in full upon demand.	2.4	Dengan memasukkan permohonan untuk membuka Be U QSA melalui Be U, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk membuka akaun termasuk Be U QSA dan Nest berdasarkan Kontrak Qard [Pinjaman (oleh Pelanggan kepada Bank Islam)] tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Bank Islam. Berdasarkan Kontrak Qard, Bank Islam bertanggungjawab untuk memulangkan keseluruhan wang berdasarkan permintaan Pelanggan.
2.5	Bank Islam may, to the extent permitted by law and shariah principles accept the opening and continuance of the account.	2.5	Bank Islam boleh, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan prinsip shariah menerima pembukaan dan penerusan akaun.
3.0	BE U QSA DEPOSIT	3.0	DEPOSIT BE U QSA
3.1	Deposits may be made into Be U QSA by way of fund transfer or cash deposit at Self-Service Terminal.	3.1	Deposit boleh dimasukkan ke dalam Be U QSA melalui pemindahan dana atau deposit tunai di Terminal Layan Diri.
3.2	Cash deposit via Self-Service Terminal must be accompanied by a cash deposit slip which will be regarded as proof of Customer's cash placement. The Customer must ensure that all transaction made is reflected in the cash deposit slip and shall verify details of all transactions.	3.2	Setiap deposit tunai yang dibuat Terminal Layan Diri mesti disertakan dengan slip deposit tunai yang akan digunapakai sebagai bukti deposit tunai oleh Pelanggan. Pelanggan hendaklah memastikan segala urusan niaga yang dibuat tercatat di slip deposit tunai dan hendaklah ditentusahkan.
3.3	Over the counter deposit, deposit via cheques and other monetary instruments are not available for Be U QSA.	3.3	Tiada deposit di kaunter, deposit melalui cek atau instrumen kewangan lain untuk Be U QSA.



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



GENERIC TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT AM

4.0 WITHDRAWALS	4.0 PENGELUARAN
4.1 Any withdrawals to be made from Be U QSA may be subject to such requirements of Bank Islam and/or subject to the prevailing practice of Bank Islam, and/or subject to such proof of identity as Bank Islam may require.	4.1 Sebarang pengeluaran yang ingin dibuat daripada Be U QSA tertakluk kepada sebarang keperluan Bank Islam dan/atau tertakluk kepada amalan Bank Islam yang berkuat kuasa, dan/atau tertakluk kepada bukti pengenalan diri seperti yang dikehendaki oleh Bank Islam.
4.2 Cash withdrawals via Self-Service Terminal shall be subject to the terms and conditions governing operations of Be U Debit Card-i.	4.2 Pengeluaran tunai melalui Terminal Layan Diri adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal operasi Kad Debit-i Be U.
4.3 Over the counter withdrawals are not available for Be U QSA.	4.3 Tiada pengeluaran di kaunter untuk Be U QSA.
4.4 Any withdrawals relating to Nest shall be made in accordance with Clause 13.3.	4.4 Sebarang pengeluaran berkaitan dengan Nest hendaklah dibuat mengikut Klausula 13.3.
4.5 Customer shall ensure that there is sufficient balance in Be U QSA before withdrawing any funds from Be U QSA. Bank Islam will not automatically transfer any balance from Nest in the event there is insufficient balance in Be U QSA when Customer performs withdrawal.	4.5 Pelanggan hendaklah memastikan baki Be U QSA adalah mencukupi sebelum membuat sebarang pengeluaran dana dari Be U QSA. Bank Islam tidak akan membuat sebarang pindahan dana secara automatik dari Nest sekiranya baki Be U QSA Pelanggan tidak mencukupi ketika membuat pengeluaran.
5.0 FEES AND CHARGES	5.0 YURAN DAN CAJ
5.1 Bank Islam shall be entitled to charge fee for any of its services provided to the Customer at the rates imposed by Bank Islam relating to Be U QSA (as approved by Bank Negara Malaysia and subject to the Shariah rules and principles) based on the Shariah contract of Ijarah Al-Khadamat and as set out in the Product Disclosure Sheet Be U Visa Debit Card-i, Bank Islam's website and/or any channels considered appropriate by Bank Islam. Bank Islam shall have the right to debit the Customer's account for the said charges.	5.1 Bank Islam berhak untuk mengenakan bayaran yuran atau caj bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan berkenaan Be U QSA pada kadar yang ditentukan oleh Bank Islam (seperti mana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah) berdasarkan kepada kontrak Syariah Ijarah Al-Khadamat dan seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Produk Kad Debit-i Visa Be U, laman web Bank Islam dan/atau mana-mana saluran yang dianggap sesuai oleh Bank Islam. Bank Islam berhak untuk mendebit akaun Pelanggan bagi tujuan caj tersebut.
5.2 No fees and charges will be imposed for creation of Nest under Clause 13.1.	5.2 Tiada yuran dan caj akan dikenakan bagi pembukaan Nest mengikut Klausula 13.1.
6.0 STATEMENT OF ACCOUNT	6.0 PENYATA AKAUN
6.1 The statement of account made available by Bank Islam shall be valid and binding against Customer if not disputed within fourteen (14) calendar days from the date of statement.	6.1 Penyata akaun yang disediakan oleh Bank Islam adalah sah dan mengikat Pelanggan jika tidak dipertikaikan dalam empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata akaun.
6.2 Be U QSA and Nest statement of account will be made available to the Customer on monthly basis. The statement for each Nest will be separate from Customer's Be U QSA statement.	6.2 Penyata Be U QSA dan Nest akan disediakan untuk Pelanggan pada setiap bulan. Penyata bagi setiap Nest adalah berasingan daripada penyata Be U QSA.
6.3 In the event the Customer require a complete statement of account comprising the Be U QSA and Nest, the Customer may contact: Be U Community Support Telefon: 03 2779 0088 Email: beu.communitysupport@bankislam.com.my	6.3 Sekiranya Pelanggan memerlukan penyata akaun lengkap merangkumi Be U QSA dan Nest, Pelanggan boleh menghubungi: Be U Community Support Telefon: 03 2779 0088 E-mel: beu.communitysupport@bankislam.com.my



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERIC TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

6.4	Customer is responsible to verify entries of all statement of account balance issued/made available by Bank Islam and to notify Bank Islam in writing within fourteen (14) calendar days from the date of the statement of account of any error, irregularity, discrepancy, claim or unauthorized debit or credit item whether made, processed or paid out as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whomsoever. Unless otherwise notified by the Customer within the aforementioned period, all statement of account, balance issued/made available by Bank Islam shall be valid and binding against the Customer. Bank Islam shall not be liable for any unauthorized alteration on the statement of account, nor for its misuse, acceptance or unauthorized use.	6.4	Pelanggan berkewajipan untuk menentusahkan catatan semua penyata baki akaun yang dikeluarkan/disediakan oleh Bank Islam dan memaklumkan kepada Bank Islam secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata akaun jika terdapat apa-apa kesilapan, luar aturan, percanggahan, tuntutan atau debit atau kredit item yang tidak dibenarkan sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuaiian atau sebaliknya oleh sesiapa. Kecuali diberitahu sebaliknya oleh Pelanggan dalam tempoh yang dinyatakan di atas, semua penyata baki akaun yang dikeluarkan/disediakan oleh Bank Islam adalah sah dan mengikat Pelanggan. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa perubahan yang tidak dibenarkan pada penyata akaun, apa-apa salah guna, penerimaan atau penggunaan yang tidak dibenarkan.
6.5	Bank Islam may not send the account statement if the account is dormant or inactive. Bank Islam may also discontinue sending the account statement if the statement is unclaimed or undeliverable for any reason.	6.5	Bank Islam dibolehkan untuk tidak menghantar penyata akaun jika akaun dorman atau tidak aktif. Bank Islam juga boleh menghentikan penghantaran penyata akaun jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab sekalipun.
7.0	AUTHORISATION	7.0	KEBENARAN
7.1	Save for negligence on the part of Bank Islam, Bank Islam shall not be responsible or liable for any unauthorised entries in the Customer's account. The Customer shall therefore carefully examine the entries in the account and notify Bank Islam of any errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorized debits or items whether made, processed or paid as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whatsoever. Failure by the Customer to notify Bank Islam in writing of the non-receipt of the statement or failure to notify Bank Islam in writing of any errors, discrepancies, irregularities or unauthorized claims, debits or transactions in the statement within fourteen (14) calendar days from the date of the statement, the records on the statement shall be the evidence that transaction(s) stated in the said statement is/are properly carried out and the Customer shall have accepted all matters contained in the statement as true and accurate in all respects. Any disputes as to the transactions brought to Bank Islam's notice after the said fourteen (14) calendar days shall not be entertained by Bank Islam.	7.1	Melainkan terdapat kecuaiian pada Bank Islam, Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemasukan atau catatan (<i>entry</i>) yang tidak dibenarkan di dalam akaun Pelanggan. Pelanggan hendaklah berhati-hati semasa memeriksa catatan di dalam akaun dan memaklumkan kepada Bank Islam tentang apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan, tuntutan atau debit tanpa kebenaran atau butiran yang sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, tiada kebenaran, kecuaiian atau selainnya oleh mana-mana orang sekalipun. Kegagalan oleh Pelanggan untuk memberitahu Bank Islam secara bertulis tentang kegagalan menerima penyata atau gagal memberitahu Bank Islam secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, ketaksamaan atau tuntutan, debit atau urusniaga tanpa kebenaran pada penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata, rekod dalam penyata adalah keterangan bahawa urus niaga yang dinyatakan di dalam penyata tersebut telah dijalankan dengan betul dan Pelanggan telah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata itu sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang urusniaga yang dikemukakan untuk perhatian Bank Islam selepas tempoh empat belas (14) hari tersebut tidak akan dilayan oleh Bank Islam.
8.0	HIBAH PAYMENT	8.0	PEMBAYARAN HIBAH
8.1	Bank Islam may grant reward (hibah) to the Customer who maintains an account under Qard Contract including Nest.	8.1	Bank Islam boleh, memberi ganjaran (hibah) kepada Pelanggan yang mempunyai akaun di bawah Kontrak Qard termasuk Nest.
9.0	RIGHT OF LIEN, SET OFF AND WITHHOLDING OF FUNDS	9.0	HAK TERHADAP LIEN, TOLAKAN DAN PENAHANAN DANA
9.1	Bank Islam has the right at any point of time to:	9.1	Bank Islam mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



GENERIC TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT AM

	<p>a) demand Customer to refund of and/or to debit the Customer's account(s) and/or set-off any balances in any account(s) including Be U QSA and Nest for any overpayment into any Customer's account(s) arising from error, irregularity or omission, whether attributable to Bank Islam, in the course of carrying Customer's instructions or in any other occasions.</p>		<p>a) meminta bayaran balik daripada Pelanggan dan/atau mendebit akaun Pelanggan dan/atau menolak mana-mana baki di dalam mana-mana akaun Pelanggan untuk apa-apa lebihan bayaran ke dalam mana-mana akaun Pelanggan termasuk Be U QSA dan Nest yang terhasil daripada kesilapan, tidak aturan atau peninggalan, sama ada disebabkan oleh Bank Islam, di dalam proses menjalankan arahan Pelanggan, atau di dalam apa jua keadaan selainnya.</p>
	<p>b) set off any money in any of the Customer's accounts including amount deriving from the profit sharing investments with Bank Islam (whether matured or otherwise) and/or any investment/deposit products and/or receivables held in any of the Customer's accounts including Be U QSA and Nest, towards satisfaction of any of Customer's liabilities to Bank Islam.</p>		<p>b) menolak mana-mana wang di dalam akaun Pelanggan termasuk daripada jumlah terhasil daripada perkongsian keuntungan pelaburan dengan Bank Islam (sama ada matang atau selainnya) dan/atau mana-mana produk pelaburan/deposit dan/atau jumlah yang masih terhutang simpan di dalam mana-mana akaun Pelanggan termasuk Be U QSA dan Nest, bagi melunaskan liabiliti-liabiliti Pelanggan kepada Bank Islam.</p>
	<p>c) debit the applicable amount from Customer's account including Be U QSA and Nest without prior consent if Customer is not the intended beneficiary in the following events:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) mistaken payment instruction caused by third party who initiates the transaction ("Originator") that is directed to wrong recipient, carry wrong amount, or are duplicated; or ii) erroneous payment instructions that were incorrectly transferred by other financial institution or Bank Islam to other parties which include but not limited to generating invalid, incorrect, misdirected or duplicated transaction on behalf of Originator due to technical errors or operational errors that are not the fault of the Originator; or iii) erroneous payments caused by payment system may be due to technical or operational errors that resulting in incorrect or duplicated transaction; or iv) unauthorised or fraudulent payment instruction that were not initiated by the Originator or transaction which have been induced by dishonest or fraudulent means for the benefit of a party other than the party intended by the Originator. 		<p>c) mendebit jumlah yang berkenaan daripada akaun Pelanggan termasuk Be U QSA dan Nest tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu jika Pelanggan bukanlah penerima yang dimaksudkan dalam situasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) kesilapan arahan pindahan wang disebabkan oleh pihak ketiga yang memulakan transaksi ("Pemula") kepada penerima yang salah, menunjukkan jumlah yang salah, atau merupakan pendua; atau ii) kesilapan arahan pindahan wang oleh institusi kewangan lain atau Bank Islam kepada pihak-pihak lain termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran transaksi yang tidak sah, tidak betul, salah arahan atau pendua bagi pihak Pemula disebabkan oleh kesilapan teknikal atau kesilapan operasi yang bukan kesilapan Pemula; atau iii) kesilapan pindahan wang disebabkan oleh sistem bayaran yang berkemungkinan berpunca daripada kesilapan teknikal atau operasi yang menyebabkan transaksi tidak betul atau pendua; atau iv) arahan pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan yang tidak dilakukan oleh Pemula atau transaksi yang berunsurkan ketidakjujuran atau penipuan bagi tujuan menguntungkan sesuatu pihak selain daripada yang dimaksudkan oleh Pemula.
	<p>d) Any deduction to be made under this clause shall first be made by deducting from Be U QSA. If the balance in Be U QSA is insufficient, then deduction will then be made from Nest.</p>		<p>d) Sebarang penolakan yang perlu dibuat dibawah klausa ini akan ditolak dari Be U QSA dahulu. Sekiranya baki dalam Be U QSA tidak mencukupi, penolakan tersebut akan dibuat dari Nest.</p>
9.2	<p>In the event there is amount due, owing and payable by Customer, Bank Islam reserve the rights to refuse withdrawals of or refuse to discharge any Customer's accounts, balances, funds and/or assets. Bank Islam is authorised to realise (whether at or before maturity) any of Customer's deposits, investment products and/or assets whatsoever held with Bank Islam until all monies</p>	9.2	<p>Jika terdapat jumlah belum dibayar, terhutang, dan perlu dibayar oleh Pelanggan, Bank Islam mempunyai hak untuk menahan pengeluaran atau menahan daripada melepaskan mana-mana akaun, jumlah baki, dana dan/atau aset Pelanggan. Bank Islam dibenarkan untuk mencairkan (sama ada pada atau sebelum tarikh matang) mana-mana produk deposit, pelaburan, dan/atau apa jua</p>



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



GENERIC TERMS AND CONDITIONS /

TERMA DAN SYARAT AM

	due, owing, and payable to Bank Islam is fully settled by Customer.		aset Pelanggan yang dipegang oleh Bank Islam sehingga kesemua wang yang belum dibayar, terhutang, dan perlu dibayar dijelaskan sepenuhnya oleh Pelanggan.
10.0	INACTIVE/DORMANT ACCOUNTS/UNCLAIMED MONIES	10.0	AKAUN TIDAK AKTIF/AKAUN DORMAN/WANG TAK DITUNTUT
10.1	Customer shall transact at least once a year for Be U QSA. Bank Islam shall consider the account as dormant if the account is not active for a period of one (1) year from the last transaction date.	10.1	Pelanggan perlu melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi dalam setahun untuk Be U QSA. Bank Islam akan mengklasifikasikan akaun sebagai dormant jika akaun tidak aktif untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh transaksi terakhir.
10.2	For clarity, transaction from Be U QSA into Nest shall not be regarded as active transaction for the purpose of this Clause 10.	10.2	Sebagai penerangan, transaksi dari Be U QSA ke dalam Nest tidak dianggap sebagai suatu transaksi aktif bagi tujuan Klausula 10 ini.
10.3	Any credit balance standing to the account including Nest which has not been operated for seven (7) years or more will be transferred to the Registrar of Unclaimed Moneys under the Unclaimed Moneys Act (UMA) 1965.	10.3	Mana-mana baki kredit yang ada di dalam akaun termasuk Nest yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut (UMA) 1965.
10.4	Subject to Clause 4.1, an annual service charge shall be imposed and deducted from the account so long as it remains dormant. The service charge will be charged (auto deduction) until the remaining balances are sent to the Registrar of Unclaimed Moneys.	10.4	Tertakluk kepada Klausula 4.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak dari akaun selagi ia kekal tidak aktif. Bayaran perkhidmatan akan dikenakan (potongan secara automatik) sehingga baki yang tinggal dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
10.5	For account with balance up to RM5.00, the credit balance in the account will be deducted as service charge and the account thereafter shall be closed.	10.5	Untuk akaun dengan baki sehingga RM5.00, baki kredit di dalam akaun akan ditolak sebagai caj perkhidmatan dan selepas itu akaun akan ditutup.
11.0	FREEZING, HOLDING, SUSPENDING AND/OR CLOSING OF ACCOUNT	11.0	PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN
11.1	Bank Islam may freeze, hold, suspend, close and/or place any other appropriate tagging on Customer's account whatsoever and dealing with the balances in the Customer's account at Bank Islam's discretion upon receipt of the notice of death, insanity, bankruptcy and winding-up or upon being served with order from court, relevant authorities, or enforcement agencies, or at Bank Islam's opinion proper and necessary to do so (where it is final and binding).	11.1	Bank Islam boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan apa-apa tanda lain yang sesuai pada akaun Pelanggan dan menguruskan baki-baki di dalam akaun Pelanggan mengikut budi bicara Bank Islam apabila menerima notis kematian, hilang akal, muflis, dan bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mana-mana mahkamah, pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan, atau mengikut pendapat Bank Islam adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana ianya muktamad dan mengikat).
11.2	Bank Islam may suspend the Customer's account in the event the Bank is unable to deduct any fees and/or charges that Bank Islam is authorized to charge in accordance with this terms and conditions. The Customer's account shall only be unsuspended when Customer makes deposit that is sufficient for Bank Islam to make such deduction. During suspension period, Customer will not be able to perform any transfers and/or withdrawals.	11.2	Bank Islam boleh menggantung akaun Pelanggan sekiranya Bank Islam gagal memotong apa-apa yuran dan/atau caj yang dibenarkan oleh Bank Islam untuk dikenakan mengikut terma dan syarat ini. Akaun Pelanggan hanya akan dibebaskan apabila Pelanggan membuat deposit yang mencukupi bagi Bank Islam untuk membuat pemotongan tersebut. Sepanjang tempoh penggantungan, Pelanggan tidak akan dapat melakukan sebarang pemindahan dan/atau pengeluaran.
11.3	Bank Islam may also close/terminate the account upon occurrence of any of the following events:	11.3	Bank Islam juga boleh menutup/menamatkan akaun tersebut jika berlaku mana-mana perkara berikut:



Be U by Bank Islam

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

☎ 03 2779 0088

@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



**GENERIC TERMS AND CONDITIONS /
TERMA DAN SYARAT AM**

